

SEKILAS INFO



PUSAT PERANCANGAN STRATEGIK, PENGURUSAN KUALITI DAN RISIKO

Lawatan Pegawai Penyelaras Data Sistem MyMoheS ke SQRC

TAHUKAH
ANDA

Kota Samarahan: Satu sesi temu bual bersama Pegawai Penyelaras Data Sistem MyMoheS dan Sistem SKPG, KPT diadakan pada 5 Oktober 2023 di Bilik Mesyuarat Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko. Sesi temu bual ini bertujuan untuk melihat proses Pengumpulan Input bagi Kajian Keperluan Pengguna dan Spesifikasi Naik Taraf Sistem MyMohes dan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG). Hadir semasa sesi temu bual tersebut adalah wakil daripada Kementerian Pendidikan Tinggi dan Urusetia MyMoheS di UNIMAS.

MyMoheS adalah Sistem Peningkatan Kualiti Data.

MyMoheS merupakan satu sistem yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dalam mengumpul data dari semua IPTA yang berkaitan dengan Staf, R&D, Pelajar dan Maklumat Institusi serta disimpan dalam satu gudang data.

Proses MyMoheS

i. Pengumpulan dan penghantaran data oleh IPTA untuk setiap Modul sebanyak 2 kali setahun melalui staf teknikal dilantik di IPTA ke server pangkalan data MyMoheS.

ii. Pemakluman untuk tindakan kepada IPTA melalui emel.

iii. Mesyuarat berkala selepas setiap penghantaran data bagi membincangkan masalah yang timbul serta pembentangan markah Penarafan Bintang.



Advanced Certificate in Risk Management (Level 2)



TAHUKAH ANDA

SQRC telah menerbitkan Dasar dan Tatacara Pengurusan Risiko. Naskah ini telah dirasmikan pada 14 Februari 2020 oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (UNIMAS), YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Sulong Matjeraie.

Pengurusan Risiko penting dalam sesuatu organisasi yang perlu dilihat dan diamal sebagai satu budaya kerja dalam memastikan perancangan serta pelaksanaan objektif serta matlamat sesebuah organisasi dilaksanakan secara berkesan.

Pengurusan Risiko perlu dilihat dari sudut positif, iaitu mengenal pasti sebarang kemungkinan yang boleh melambatkan, menghalang serta menggagalkan sesuatu rancangan dan tindakan. Dengan adanya pengurusan risiko, peluang untuk merawat kemungkinan timbulnya risiko dapat dikawal dan dikenalpasti lebih awal.

Kota Samarahan: Selesai mengikuti *Certificate in Risk Management (Level 1)*, Penolong Pendaftar Kanan, Unit Pengurusan Kualiti dan Risiko, Puan Dayang Zuliana meneruskan lanjutan kursus anjuran ARiMM bagi melengkapkan *Certification Programme in ARiMM* iaitu *Advance Certificate in Risk Management (Level 2)*. Terdapat tiga (3) modul utama yang perlu dilengkapkan iaitu Pengurusan Risiko dan Tadbir Urus Korporat, Pengurusan Risiko Kelestarian dan Kajian Kes dalam Pengurusan Risiko. *Certificate Programme* ini perlu dilengkapkan untuk meningkatkan kepimpinan pegawai dalam pengurusan risiko kemampuhan selain melakar dan susun atur strategi pengurusan risiko secara beretika.

Pensijilan ini berlangsung pada 23 Oktober 2023 sehingga 27 Oktober 2023 di *The Academy of Risk Management Malaysia Berhad*.

SOROTAN OKTOBER

*Submission
THE Awards
Asia 2024*

Pelaporan Pencapaian
Prestasi Kerangka
Keberhasilan (OBB) UA
Suku Ke 3/2023

Pelaporan Pelaksanaan
Inisiatif di bawah
PPD,
RMK 12 Suku Ke
3/2023

Pelaporan Prestasi Bagi
Inisiatif Dalam Ucapan
YB Menteri Pendidikan
Tinggi 2023

Pelaporan Maklum Balas
Bagi Penetapan &
Penyelarasan Cadangan
Petunjuk Prestasi Utama
(KPI)



Bengkel Projek Rintis Pengumpulan Data
Pelajar UA ke Sistem MyMoheS Secara
Masa Nyata



Majlis Penyampaian Hadiah Dekorasi
Hari Kemerdekaan

Program dan Aktiviti Di SQRC Sepanjang Bulan Oktober 2023

Bil	Pekara	Tarikh
1	Webinar: Times Higher Education's (THE) World University Rankings 2024 -APAC	2 Oktober 2023
2	Pelaporan Pelaksanaan Inisiatif di bawah Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD), RMK Ke-12 Bagi Suku Ke 3 Tahun 2023 UA dan Hospital Pengajar	2 Oktober 2023
3	Taklimat Penyediaan dan Penghantaran Data MyMohes UA	4 Oktober 2023
4	Sesi Temu Bual bersama Pegawai Penyelaras Data Sistem MyMoheS dan Sistem SKPG bagi Tujuan Pengumpulan Input Bagi Kajian Keperluan Pengguna Dan Spesifikasi Naik Taraf Sistem Mymohes Dan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)	5 Oktober 2023
5	Majlis Penyampaian Hadiah Dekorasi Hari Kemerdekaan	6 Oktober 2023
6	Bengkel Projek Rintis Pengumpulan Data Pelajar UA ke Sistem MyMoheS Secara Masa Nyata	17 – 20 Oktober 2023
7	Pelaporan Pencapaian Prestasi Kerangka Keberhasilan (OBB) UA Suku Ke3/2023	17 Oktober 2023
8	Pelaporan Maklumbalas Bagi Penetapan & Penyelarasan Cadangan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	18 Oktober 2023
9	Submission THE Awards Asia 2024	Oktober 2023
10	Advanced Certificate in Risk Management (Level 2)	23 - 27 Oktober 2023
11	Pengumuman: THE World University Rankings 2024 – By Subject	26 Oktober 2023
12	Taklimat Sistem Modul Institusi	31 Oktober 2023
13	Perbincangan Penyelarasan bagi Data Times Higher Education (THE) Impact Ranking 2023	31 Oktober 2023
14	Pelaporan Prestasi Bagi Inisiatif Dalam Ucapan YB Menteri Pendidikan Tinggi 2023	31 Oktober 2023

Pengurusan Pentadbiran

Pengarah

Prof Gs. Dr Tarmiji
Masron

Timbalan Pengarah

Prof Madya Dr Lee
Nung Kion

Penolong Pendaftar

Kanan

Puan Dayang Mazina
Awang Batu
Puan Dayang Zuliana
Abang Abd Rahman

Penolong Pegawai

Tadbir Kanan

Puan Adeline Ann Lubi

Penolong Pegawai

Teknologi Maklumat

Kanan

Encik Mohd
Hairulnizam Mohd
Zamri

Penolong Pegawai

Tadbir

Puan Salmiah Nahrawi

Setiausaha Pejabat

Puan Nur Aishah Jori

Pembantu Tadbir

Kanan

Puan Norisa Mohamad

Pembantu Tadbir

Cik Siti Afizah Jamil
Encik Mohd Hafizuddin
Sulaiman

Pembantu Operasi

Encik Rozaimi Anis

